

MEI 2024 / BIL. 11 / 2024

EON

Epitome of Nature

KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN



ISSN 2773-5869



ANUGERAH ALAM KEPADA KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN HIDUP MANUSIA

Marfiah Ab. Wahid

Micropollutant and Pathogen in Water Research Group, Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40450, Selangor

marfi851@uitm.edu.my

EDITOR: DR. MU'ADZ AHMAD MAZIAN

Manusia dikurniakan daya intelektual yang tinggi berbanding makhluk yang lain ciptaan Tuhan. Dengan kelebihan ini, manusia layak menjadi khalifah yang dipercayai untuk menjaga alam sekitar. Kepelbagaian makhluk yang wujud di dalam sistem alam sekitar juga dipercayai manusia untuk mentadbir.

Alam sekitar telah diwarisi sejak berabad dahulu, secara turun-temurun untuk dimanfaatkan oleh tamadun manusia dari generasi ke generasi kerana dapat memberi manfaat kepada manusia khususnya dalam aspek kesihatan dan dapat dijadikan sebagai sumber ekonomi kepada manusia (Ismail, 2003; Hasan, 2018).

Kefahaman terhadap kepentingan hubungan manusia dengan alam perlu dipupuk dari kecil. Biodiversiti yang wujud di alam yang didiami bersama manusia ini telah menjalankan fungsi masing-masing dengan baik. Tumbuh-tumbuhan memproses karbon dioksida untuk menghasilkan oksigen.

Untuk menghasilkan oksigen. Selain itu, tumbuh-tumbuhan juga menjadi penapis asli bahan cemar di udara, sumber ubatan, mengindahkan pemandangan, memberi petunjuk tentang kualiti udara sekeliling, menjadi benteng akhir kepada ombak yang memecah pantai, menjadi struktur kukuh untuk tempat perlindungan manusia dan haiwan dan yang paling penting menjadi sumber makanan kepada manusia dan haiwan.

Manusia dikurniakan daya intelektual yang tinggi berbanding makhluk yang lain ciptaan Tuhan. Dengan kelebihan ini, manusia layak menjadi khalifah yang dipercayai untuk menjaga alam sekitar.

Biodiversiti yang wujud di alam yang didiami bersama manusia ini telah menjalankan fungsi masing-masing dengan baik.

Sekecil tumbuhan seperti kulat di atas pohon yang reput juga menjalankan fungsi mengkompos bahan organik untuk kesuburan tanah. Haiwan yang dijadikan tanpa akal yang sempurna juga telah menjalankan tanggungjawabnya dengan memberi sumbangan terhadap alam sekitar. Haiwan seperti gajah dan burung adalah bio-jurutera yang membentuk lanskap alam sekitar dengan menyebarkan benih tumbuhan. Selain dari menjadi sumber makanan, haiwan akuatik juga berfungsi untuk seimbangkan ekosistem kehidupan di dalam air dan menjadi petunjuk kepada perubahan kualiti air. Sistem rantai makanan yang wujud adalah untuk memastikan keseimbangan alam sekitar. Tidak hanya haiwan yang paling besar di muka bumi, serangga yang kecil juga telah menjalankan tanggungjawab mereka untuk kesihatan dan kesejahteraan alam sekitar. Hatta, ulat dari seekor lalat juga melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengkompos sisa agar tidak berbau. Begitulah patuhnya mereka menurut fungsi kejadian masing-masing.

Air, tanah dan udara juga menjadi sumber kehidupan kepada semua makhluk yang tinggal di muka bumi ini. Semua makhluk yang mempunyai jiwa dan bernyawa menggunakan air, tanah dan udara yang sama untuk kelangsungan hidup masing-masing. Tumbuhan dan haiwan tidak sama sekali akan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan fungsi kejadian masing-masing seperti diperintah Tuhannya.

Manusia dicipta untuk mentadbir alam sekitar dengan ilmu. Justeru, tanggungjawab manusia adalah untuk belajar memahami keperluan alam dan makhluk lainnya yang sama mendiami bumi ini. Dengan ilmu dan maklumat yang lengkap, akan membantu manusia mentadbir dan membuat keputusan yang bijak. Ilmu pengurusan sumber air, tanah dan udara amat penting dan perlu dipelajari serta difahami secara holistik. Alam sekitar perlu dipulihara dan dipelihara agar ia dapat dikongsi dengan generasi akan datang.

Aktiviti manusia yang tidak lestari perlu dihentikan segera. Kemusnahan yang dicipta manusia terhadap alam sekitar perlu diganti dengan nilai yang sama. Seperti contoh, berapa banyak kawasan hijau semulajadi yang ditebang, perlu diganti dengan kawasan hijau yang baru dengan kesan kadar serapan karbon yang sama.

Kerosakan alam disebabkan oleh manusia kerana rakus dan tamak. Sumber air, tanah dan udara dicemar tanpa kawalan dan berterusan. Projek-projek yang dilaksanakan hanya untuk meningkatkan kualiti hidup manusiawi, tanpa mengambil kira jiwa makhluk lain yang terpaksa dikorbankan. Pada waktu yang sama, manusia melaungkan hal tentang pembangunan mampan.

Manusia dicipta untuk mentadbir alam sekitar dengan ilmu. Justeru, tanggungjawab manusia adalah untuk belajar memahami keperluan alam dan makhluk lainnya yang sama mendiami bumi ini.

Sedarkah manusia, pembangunan mampan perlu mengambilkira tentang alam sekitar bukan hanya bertumpu untuk kualiti hidup manusia sahaja. Sistem alam yang tercemar dan diubah tanpa kawalan akan memberi natijah yang buruk kepada kesihatan dan kesejahteraan manusia.

Udara yang dihela setiap hari dengan percuma juga dicemarkan dengan pembebasan asap yang mengandungi gas dan bahan pencemar.

Molekul-molekul gas in yang lebih berat dari oksigen ini akan terperangkap di permukaan bumi dan dihirup udaranya oleh manusia sendiri. Maka, tidak hairanlah kebelakangan ini, banyak penyakit tersebar melalui udara.

Kerosakan alam disebabkan oleh manusia kerana rakus dan tamak. Sumber air, tanah dan udara dicemar tanpa kawalan dan berterusan. Projek-projek yang dilaksanakan hanya untuk meningkatkan kualiti hidup manusiawi, tanpa mengambil kira jiwa makhluk lain yang terpaksa dikorbankan.

Semua bahan cemar yang lebih ringan akan terampai-ampai dan menyerap ke dalam paru-paru manusia dan haiwan. Paru-paru adalah benteng terakhir dalam kejadian tubuh manusia untuk menapis segala yang disedut ketika bernafas. Kefahaman tentang kelestarian alam dan pembangunan mampan masih lagi dicelarukan dengan objektif hanya untuk kesejahteraan manusia.

Persoalannya, bagaimana manusia boleh hidup dengan sihat dan sejahtera dengan udara yang dicemari manusia sendiri. Alam akan bertindak balas terhadap semua angkara manusia dengan memulangkan semuanya dengan skala yang tidak terjangkau akal manusia. Sikap tidak bertanggungjawab manusia membuang sampah ke dalam sistem perairan seperti sungai dan laut, pengorekan pasir tiada kawalan, abstraksi air dengan kuantiti yang melampau, penebangan hutan, mengubah dan ganggu sistem aliran sungai, membina kediaman mahal di kawasan laluan air, membuang sisa toksik ke dalam sungai, adalah contoh-contohnya.

Apabila ia tidak mampu lagi menanggung beban pencemaran tersebut, semua akan diberi semula dalam impak yang besar seperti banjir lumpur yang dahsyat, bah besar menenggelamkan rumah, sungai kontang, dan ikan mati keracunan. Haiwan juga berpindah habitat dan akibatnya manusia hilang pembersih sungai semulajadi. Haiwan seperti tuntung kepupusan kerana tiada tempat lagi untuk bertelur yang selamat kerana diganggu gugat dan diancam manusia. Ia menjadi haiwan terancam yang sama taraf pupusnya seperti harimau Malaya (LSANK, 2020). Manusia menggunakan pelbagai pil hormon yang akhirnya mencemarkan air. Petikan daripada Canevalli et al. (2018) mencatatkan beberapa kajian yang



Gambar 1: Pencemaran udara, air dan tanah akibat daripada aktiviti manusia yang tidak lestari (Sumber: hisemudinkasim.blogspot.com)

menunjukkan bahawa kesan bahan kimia dari pil hormon ini telah mengganggu endokrin (EDCs) pada sistem pembiakan ikan dan menjadikan ikan-ikan keliru dengan jantina sendiri lantas mengurangkan populasinya. Akhirnya, populasi ikan akan menurun dan menyebabkan sumber makanan manusia berkurang. Timbul pula isu adakah kesihatan manusia lebih penting dari haiwan.

Pendekatan dari segi pendidikan perlu diterapkan semenjak kecil. Kefahaman tentang pengurusan alam secara lestari penting didedahkan dari sekolah rendah. Kerana anak-anak ini akan menjadi pemimpin masa hadapan (Wahid, 2022). Untuk manusia dewasa, amalan hidup dan pemikiran perlu selari dengan ajaran agama. Ini adalah kerana setiap agama telah mengajar untuk menjaga hubungan manusia, Tuhan dan alam. Namun, manusia selalu memilih untuk engkar perintah

dan tanggungjawab kerana tamak. Alam ini adalah anugerah Tuhan kepada manusia. Segala telah disediakan dengan penuh tertib kejadiannya. Namun, manusia seringkali lupa fungsi dan tanggungjawab masing-masing terhadap alam sekitar dan makhluk lain.

Keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan manusia sahaja menjadi keutamaan dalam setiap prospek pembangunan. Manusia mengambil ringan kewujudan makhluk lain yang berjiwa yang mendiami bumi yang sama. Persoalannya, bagaimana kesihatan dan kesejahteraan manusia dapat dijamin sekiranya kita mengabaikan tanggungjawab mentadbir alam dengan lestari yang dianugerahkan Tuhan.

Rujukan

